



KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Aras 11
Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Changkat Semantan, Off Jalan Semantan
Bukit Damansara
50490 KUALA LUMPUR
MALAYSIA



Tel: +603-2083 4334
Faks: +603-2083 4114
Portal Rasmi: www.skm.gov.my
Email : ceo@skm.gov.my

Ruj. Kami : SKM.IP.(AM) : 7964 SJ.5 JLD. 3 (6)
Tarikh : 12 Disember 2023

Surat ini dikelilingkan kepada—

Semua Koperasi

Tuan,

**ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN
2 TAHUN 2023 – ARAHAN PEMINDAHAN KEPADA KUMPULAN
WANG RIZAB STATUTORI**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dalam menyokong pembangunan gerakan koperasi yang berterusan dan keprihatinan Suruhanjaya dalam membantu aliran tunai koperasi yang lebih positif, Suruhanjaya mengeluarkan **ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2023 – ARAHAN PEMINDAHAN KEPADA KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI** tidak kurang daripada **tiga belas peratus (13%)** daripada untung bersih teraudit mulai tahun kewangan berakhir **31 Disember 2023 sehingga 30 November 2025** untuk tindakan sewajarnya oleh semua koperasi.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(RUSLI BIN JAAFAR)

PENERAJU KECEMERLANGAN KOPERASI



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

ARAHAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA BILANGAN 2 TAHUN 2023


ARAHAN PEMINDAHAN KEPADA KUMPULAN WANG RIZAB STATUTORI

PADA menjalankan kuasa-kuasa Suruhanjaya di bawah subseksyen 57(1A) Akta Koperasi 1993 [Akta 502] yang diwakilkan kepada saya di bawah subseksyen 24(1) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665], saya, **RUSLI BIN JAAFAR**, Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia dengan ini menentukan bahawa tiap-tiap koperasi hendaklah memindahkan kepada Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) **tidak kurang daripada tiga belas peratus (13%)** daripada untung bersih teraudit mulai tahun kewangan berakhir **31 Disember 2023 sehingga 30 November 2025**. Arahan ini tidak terpakai kepada mana-mana koperasi yang amaun KWRS adalah 100% atau lebih daripada syer dan yuran.

Arahan penguatkuasaan pemindahan KWRS yang **tidak kurang daripada lima belas peratus (15%)** daripada untung bersih teraudit **akan dikuatkuasakan semula mulai tahun kewangan 31 Disember 2025**.

Bertarikh : 12 Disember 2023

No. Rujukan : SKM.IP.(AM) 7964 SJ.5 Jilid 3 (6)



(RUSLI BIN JAAFAR)
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia